

## PERTANYAAN DAN MAKLUMBALAS

Untuk menduduki penilaian ISAC, sila kemukakan kepada

Setiausaha Bahagian,  
Bahagian Pengurusan Maklumat  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 5, Blok E7, Parcel E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Putrajaya.  
(u.p: Unit Audio Visual Dan Unit Latihan OA dan Teknikal)

Sebarang pertanyaan dan maklumbalas, sila hubungi

Unit Audio Visual  
Dan Unit Latihan OA dan Teknikal  
Bahagian Pengurusan Maklumat  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 5, Blok E7, Parcel E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Putrajaya.

Emel: [btmk\\_ulpav@moh.gov.my](mailto:btmk_ulpav@moh.gov.my)  
Tel: 03 8883 3436 / 3629  
Fax: 03 8883 3380



CERTIFIED MS ISO 9001:2000  
Registration No: AR 4361

Unit Audio Visual Dan Unit Latihan OA dan Teknikal  
Bahagian Pengurusan Maklumat  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 5, Blok E7, Parcel E Pusat  
Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Putrajaya

**Tel: 03 88833338**

**Fax: 03 88833380**

**<http://btmk.moh.gov.my>**

## PELAKSANAAN ISAC

di Kementerian Kesihatan  
Malaysia



**Penilaian dan Persijilan  
Kemahiran IT  
(IT Skill Assessment and  
Certification)**

**BPM.KKM**

## PENGENALAN

Kementerian Kesihatan Malaysia sedang melaksanakan aktiviti-aktiviti **Pelan Strategik Teknologi Maklumat (ISP) KKM** mulai tahun 2006 hingga tahun 2010.

Antara objektif ISP yang perlu dicapai ialah **peningkatan literasi dan pembudayaan ICT** di kalangan warga KKM dan kementerian telah menformalkan penentuan celik IT menggunakan ISAC.

Dalam tempoh tersebut, KKM mensasarkan supaya tahap celik IT ialah 90% daripada jumlah warganya sekitar 140,000 orang. Pelaksanaan ISAC ini adalah dipantau oleh pihak pengurusan tertinggi KKM.

ISAC adalah singkatan kepada IT Skill Assessment and Certification. Ia merupakan satu alat bagi **menentukan kesediaan personel sektor awam untuk bekerja dalam persekitaran Kerajaan Elektronik**.

Alat ini direka khas untuk menentukan keperluan persekitaran Malaysia, khususnya sektor awam. INTAN adalah agensi yang bertanggungjawab untuk melaksana dan menyelaras IT Skill Assessment and Certification atau ISAC.

## OBJEKTIF

Objektif ISAC ini diadakan di KKM adalah:

- Untuk mencapai salah satu sasaran tahap tinggi **Pelan Strategik ICT KKM (ISP KKM)**.
- Untuk menilai tahap kesediaan warga KKM menjalankan tugas-tugas di dalam persekitaran Kerajaan Elektronik.

## KAEDAH PELAKSANAAN

BTMK adalah sebagai urusetia untuk mengendalikan pelaksanaan ISAC dengan kerjasama pihak INTAN. Sasaran program ini ialah kepada **seluruh warga KKM bagi gred jawatan 44 hingga 17**. Para peserta adalah dari semua bahagian di ibu pejabat KKM dan juga daripada JKN, Hospital serta PKD.

## KURIKULUM

Kurikulum ISAC terbahagi kepada dua (2) iaitu:

### BAHAGIAN A (PENGETAHUAN)

Ujian pengetahuan yang mempunyai **40 soalan objektif** dan perlu dijawab dalam masa **20 minit**

Meliputi pengetahuan mengenai:

- Koridor Raya Multimedia (MSC)
- Kerajaan Elektronik
- Asas mengenai komputer dan perkembangan IT
- Pakej/alat produktiviti umum
- Internet dan emel

### BAHAGIAN B (KEMAHIRAN)

Ujian kemahiran yang mengandungi **3 soalan subjektif** dan calon-calon dikehendaki menjawab semua soalan tersebut dalam masa **40 minit**.

Menilai kemahiran dalam:

- Mencari dan memperolehi maklumat menggunakan internet.
- Menyediakan dokumen pemprosesan atau dokumen persembahan berkaitan dengan pengendalian tugas-tugas asas.
- Berkomunikasi secara elektronik melalui emel.

## FORMAT PENILAIAN

Untuk lulus ISAC, peserta perlu

- Mendapat 50% di Bahagian Pengetahuan
  - Lulus ketiga-tiga soalan di Bahagian Kemahiran
- Kegagalan di dalam salah satu bahagian akan menyebabkan keputusannya gagal.

## KEPUTUSAN PENILAIAN

Keputusan boleh diperiksa secara online di url [http://www.intanbk.intan.my/cda/m\\_online/on\\_isac.php](http://www.intanbk.intan.my/cda/m_online/on_isac.php) sekurang-kurangnya dalam masa dua minggu selepas menduduki ISAC.

## RUJUKAN

Calon yang lulus akan diberi sijil pengiktirafan oleh INTAN. BTMK akan mengedarkan sijil lulus ini kepada calon yang berjaya. Calon diminta untuk mencatatkan sijil ini di dalam Buku Perkhidmatan.

## PERSIJILAN

Untuk keterangan lanjut, sila layari

[http://www.intanbk.intan.my/cda/m\\_service/s/ser\\_isac.php](http://www.intanbk.intan.my/cda/m_service/s/ser_isac.php)

Nota ISAC boleh dimuat turun di

[http://www.intanbk.intan.my/intim/m\\_isac/on\\_isac.php](http://www.intanbk.intan.my/intim/m_isac/on_isac.php)

## FAQ

**Bagaimanakah penilaian ISAC dijalankan?**

Penilaian ISAC dijalankan menggunakan komputer sepenuhnya.

**Berapa lama masa penilaian ISAC?**

Hanya 1 jam bagi setiap sesi. Iaitu 20 minit untuk bahagian pengetahuan dan 40 minit untuk bahagian kemahiran.

**Bila boleh saya tahu keputusan penilaian ISAC?**

Keputusan akan dimaklumkan secepat-cepatnya dalam masa 2 minggu selepas menduduki sesi ISAC. Ianya boleh dirujuk di dalam laman web INTAN.

**Apa yang akan saya dapat jika saya menduduki ISAC dengan jayanya?**

Satu sijil pengiktirafan dari INTAN akan dianugerahkan kepada anda.

**Apakah implikasi sekiranya gagal dalam penilaian ISAC?**

Anda boleh mengikuti Kursus IT anjuran Bpm atau JKN negeri. Anda juga wajib menduduki semula sesi ISAC sehingga lulus.

**Tahniah! Anda adalah seorang yang bersedia untuk berurusan di dalam suasana Kerajaan Elektronik.**

